

HUKUM WANG KERTAS MASA KINI: SATU ANALISA MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

Rule of Current Paper Money: an Analysis from Shariah Perspective

Abdul Rahman A Shukorⁱ & Joni Tamkin Borhanⁱⁱ

ⁱ Calon Ph.D, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, misyaki20@hotmail.com

ⁱⁱ Profesor, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, joni@um.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Hadith Nabi Muhammad s.a.w. menyatakan bahawa dinar dan dirham adalah item ribawi dan tertakluk kepada hukum riba. Pada masa kini, wang kertas telah mengambil alih peranan dinar dan dirham sebagai alat pertukaran. Kini sesetengah pihak mempromosikan skim cepat kaya melalui penjualan emas dan perak secara bertanggung. Mereka mengatakan jualan ini adalah sah dari segi Syariah kerana mata wang kertas tidak dianggap sebagai item ribawi. Kajian ini menganalisa status wang kertas daripada perspektif Syariah. Semua pandangan ulama dalam persoalan ini dikaji dengan mendalam. Hasil kajian menunjukkan wang kertas adalah tertakluk kepada hukum riba dan mesti mematuhi hukum pertukaran yang ditetapkan oleh Syariah.</i></p> <p>Kata kunci: Wang, dinar, dirham, fulus, riba, alat pertukaran</p>	<p><i>Hadith of Prophet Muhammad (pbuh) stated that dinar and dirham are ribawi items and subject to law of riba. Nevertheless, nowadays the currency notes take over the function of dinar and dirham as a medium of exchange. Lately, some people actively promoting get-rich scheme through sale of gold or silver with deferred delivery. They claimed that this sale is allowed according to Shariah since currency notes are not considered as ribawi item. Therefore, the purpose of this study is to analyses the status of currency notes from Shariah perspective. All views of Islamic scholars have been examined thoroughly. The result of this study shows that 'illah of riba in gold and silver is <i>thamāniyyah</i> or money used as a medium of exchange. Hence, currency notes are subject to law of riba and must comply with the rule of exchange as required in shariah.</i></p> <p>Keywords: Money, dinar, dirham, fulus, riba, medium of exchange</p>

PENDAHULUAN

Hadith Rasulullah s.a.w. menjelaskan dinar dan dirham adalah item ribawi

dan tertakluk kepada hukum riba. Dinar ditempa daripada emas dan dirham ditempa daripada perak. Sedangkan pada masa kini wang kertas mengambil alih fungsi dinar dan dirham sebagai alat pertukaran. Pada masa dahulu ulama tidak membincangkan dengan mendalam tentang wang kertas kerana ia tidak diketahui oleh mereka. Ini disebabkan wang kertas tidak tersebar pada zaman mereka sama ada di negara Islam atau negara-negara jiran yang berdekatan. Ketika itu wang kertas tersebar di negara China yang amat jauh dari negara Arab. Ulama-ulama dari benua India adalah di antara ulama yang awal membahas dan mengkaji tentang hukum wang kertas. (al-Manī, 2003; al-Uthmānī, 1996)

Pada zaman itu, fulus juga digunakan untuk membeli barang yang rendah nilainya daripada emas dan perak. Kadang-kadang fulus digunakan dalam jual beli kerana kekurangan bekalan mata wang emas dan perak dalam simpanan mereka. Ulama pada zaman itu membincangkan persoalan fulus sebagai alat pertukaran selain emas dan perak di dalam urusan jual beli. Apabila wang kertas mulai tersebar dengan meluas di negara Islam maka barulah ulama-ulama mengkaji tentang hukum wang kertas. (al-Manī, 2003)

Mutakhir ini, sesetengah pihak bergiat aktif mempromosikan skim cepat kaya melalui pembelian emas atau perak secara bertanggung. Mereka mendakwa jual beli ini dibenarkan syariah kerana wang kertas tiada kaitan dengan hukum riba pada emas dan perak. Amat malang lagi apabila hujah mereka ini juga dipegang oleh sesetengah golongan yang berlatar belakang agama yang kurang pengetahuan tentang persoalan syariah dalam muamalat. Hal ini menyebabkan berlaku kekeliruan dalam masyarakat tentang penerima wang kertas terhadap hukum riba sebagaimana emas dan perak.

Justeru, kajian ini mengkaji hukum wang kertas berdasarkan perspektif syariah dengan menganalisa setiap pandangan ulama dalam persoalan ini. Pada akhir kajian, satu kesimpulan dibuat bagi menyimpulkan segala pandangan dan menyatakan pandangan yang terpilih.

DEFINISI WANG

Wang mempunyai pelbagai definisi berdasarkan perspektif masing-masing. Wang dianggap sebagai “satu item yang digunakan untuk pembayaran barangan atau perkhidmatan dan pelunasan daripada hutang”. Definisi ini menggambarkan satu keyakinan orang terhadap wang yang digunakan dalam sesuatu urusan. Satu ketika dahulu biji kopi, tembakau dan roti digunakan sebagai wang kerana keyakinan orang ramai terhadap barangan ini. (Mukherjee, 2005)

Pada zaman kini, wang ialah wang kertas, duit syiling atau wang yang berada di dalam akaun simpanan bank. Wang menurut perspektif ekonomi ialah “komoditi yang diterima pakai sebagai alat pertukaran dan pengukur nilai”. Ahli ekonomi memberikan definisi ini berdasarkan fungsi wang yang

digunakan dalam kehidupan seharian. Setiap negara akan mengisytiharkan wang kertas dan duit syiling yang sah diperakui nilai (legal tender). Manakala definisi wang bagi sesebuah negara ialah “wang yang diperakui sah nilai (legal tender) dan wajib diterima dalam sebarang pembayaran transaksi atau pelunasan hutang”. Status wang yang sah diperakui nilai oleh negara menambahkan keyakinan orang ramai terhadap wang ini sebagai aset yang bernilai. (Dwivedi, 2007)

Wang dikenali sebagai naqd atau nuqūd dalam Bahasa Arab. Perkataan nuqūd tidak didapati di dalam al-Quran atau hadith kerana masyarakat Arab menggunakan nuqūd untuk menunjukkan harga barang. Masyarakat Arab menggunakan dīnār bagi wang yang diperbuat daripada emas dan dirhām bagi wang yang diperbuat daripada perak. Mereka menggunakan perkataan wariq bagi menunjukkan wang dirham perak. Manakala ‘ayn bagi menunjukkan wang dinar emas. Fulūs pula merujuk kepada wang kelas kedua untuk membeli barangan yang berharga amat kecil dan rendah. (Aḥmad, 2002)

Ulama tidak memberikan takrif khusus kepada nuqūd dalam kitab-kitab fiqh dan mereka tidak mengkhususkan nuqūd bagi mata wang yang diperbuat daripada emas dan perak sahaja. Bahkan nuqūd dikaitkan dengan semua jenis mata wang. Namun begitu, pengertian wang dapat dilihat melalui huraian ulama tentang fungsi wang.

Ibn Taymiyyah (1995) menerangkan dirham dan dinar tidak diketahui definisinya sama ada dari sudut bahasa ataupun syarak. Definisi ini perlu dirujuk kepada adat dan istilah umum dalam masyarakat. Ini disebabkan dirham dan dinar secara semula jadi bukan dijadikan sebagai tujuan utama tetapi sebagai pengukur nilai untuk sesuatu yang digunakan dalam jual beli.

Dr. Aḥmad Ḥasan (2002) merumuskan pengertian wang berdasarkan pelbagai pandangan ulama. Menurut beliau wang ialah “alat yang digunakan oleh manusia sebagai pengukur nilai dan medium pertukaran.” Definisi ini menjelaskan wang tidak terhad kepada emas dan perak kerana fungsi utama wang ialah menjadi pengukur nilai bagi barangan dan medium pertukaran dalam sebarang urusan.

FUNGSI MATA WANG

i. Wang Sebagai Pengukur Nilai

Imam al-Ghazālī (t.t.) menyebutkan wang sebagai pengukur nilai sesuatu barang. Allah S.W.T. menciptakan dinar dan dirham sebagai hakim dan pengukur nilai terhadap harta sehingga seluruh harta boleh diukur dengan keduanya. Contohnya, seekor unta ini menyamai 100 dinar dan sekian banyak minyak zafran ini menyamai 100 dinar. Nilai unta dan minyak zafran mempunyai persamaan pada ukuran yang sama.

Jual beli menyebabkan permintaan kepada kewujudan wang. Seseorang yang ingin membeli makanan dengan baju. Bagaimanakah dia mengetahui ukuran nilai bagi makanan yang sesuai dengan baju? Berapakah nilainya? Jual beli terjadi di antara barangan yang berbeza jenis seperti baju dijual dengan makanan dan haiwan dijual dengan baju. Barang-barang begini tidak mempunyai nilai yang sama. Maka diperlukan hakim bagi mengadili antara kedua pihak yang menentukan kedua barangan dan menuntut keadilan daripada jenis harta. Kemudian diperlukan harta yang tahan lama kerana keperluan ke atasnya akan berterusan. Jenis harta yang tahan lama ialah logam maka diperbuat wang daripada emas, perak dan tembaga (al-Ghazālī, t.t.).

Ibn Rusyd (2004) menerangkan beberapa kesukaran untuk menentukan nilai persamaan terhadap barang-barang yang berbeza. Maka dijadikan dinar dan dirham untuk mengukurnya iaitu menentukan nilai barangan. Apabila barangan itu berbeza jenis iaitu bukan daripada jenis timbangan atau berat maka cara terbaik ialah dengan mewujudkan pengukur yang menentukan nilai bagi kedua barangan.

ii. Wang Sebagai Alat Pertukaran

Peranan wang sebagai pengukur nilai amat berkait rapat dengan peranan wang sebagai alat pertukaran dalam urusan jual beli. Ibn Taymīyah (1997) menjelaskan dirham dan dinar berfungsi sebagai pengukur nilai dalam jual beli dan sebagai harga atau alat pertukaran. Kewujudan dirham dan dinar bukan untuk mengambil manfaat terhadap logam tersebut tetapi ia sebagai alat pertukaran dalam jual beli atau barang.

Ibn 'Arabī (2003) menegaskan tindakan memecahkan dinar dan dirham adalah dosa besar kerana ia menjadi alat perantaraan dalam menentu nilai sesuatu barangan kuantiti barangan dalam nilai yang diperlukan. Sesetengah ulama menyatakan dinar dan dirham seperti hakim di antara harta-harta ketika berlaku perbezaan dari segi nilai dan kuantiti. Sesiapa yang menyimpan dinar dan dirham maka dia menyekatnya daripada transaksi dengan orang ramai. Dinar dan dirham jika di dalam bentuk asal maka ia akan memberi manfaat. Namun jika ia dipecahkan maka ia bagaikan komoditi dan hilang manfaatnya. Perkara ini memudaratkan orang ramai dan haram memecahkan dinar dan dirham.

Ibn Qayyim (1991) menyebutkan wang sebagai pengukur standard bagi harga barangan komoditi dan mempunyai kekuatan tersendiri daripada dipengaruhi faktor turun naik harga wang. Dirham dan dinar adalah harga komoditi. Harga adalah ukuran yang dikenal pasti untuk mengukur harta maka ia wajib bersifat spesifik dan tepat, tidak naik, tidak turun. Sekiranya kadar harga naik dan turun seperti komoditi maka kita tidak mempunyai

ukuran untuk menentukan harga barangan bahkan semuanya menjadi komoditi.

iii. Wang Sebagai Penyimpan Nilai

Wang juga digunakan sebagai penyimpan nilai kerana ia tahan lama. Pandangan ini dikemukakan oleh Imam al-Ghazālī dan Ibnu Khaldūn. Menurut Imam al-Ghazālī (t.t.) manusia memerlukan harta yang tahan lama kerana keperluan ke atasnya akan berterusan. Maka benda yang tahan lama ialah logam. Oleh sebab itu, logam yang tahan lama seperti emas, perak dan tembaga dijadikan wang.

Ibn Khaldūn (2004) juga menjelaskan Allah menjadikan logam emas dan perak sebagai nilai bagi setiap benda yang mempunyai nilai. Kedua logam ini juga menyimpan nilai berdasarkan pandangan ahli ilmu. Walau bagaimanapun, pandangan yang mengatakan wang adalah penyimpan nilai terhad kepada emas dan perak kerana kedua logam ini mempunyai nilai intrinsik tersendiri. Sedangkan wang masa kini berasaskan konsep wang fiat tidak mempunyai nilai intrinsik bahkan nilai sesuatu wang hanya ditentukan oleh pemerintah negara.

PERKEMBANGAN WANG DALAM MASYARAKAT ARAB

i. Dinar Rom dan Dirham Parsi

Ketika zaman Arab Jahiliah, orang Arab tidak memiliki mata wang khas tetapi menggunakan mata wang dinar emas dari negara Rom dan dirham perak dari negara Parsi. Semasa musim sejuk orang Arab akan berdagang ke Yaman dan pada musim panas mereka akan berdagang ke Syam. Ini menyebabkan mata wang dari Yaman dan Syam turut digunakan dalam kegiatan jual beli (al-Ḥasanī, 1989).

Semasa zaman kedatangan Islam, orang ramai masih menggunakan mata wang Rom dan Parsi. Rasulullah s.a.w. juga tidak membantah penggunaan wang dinar dan dirham serta berat bagi setiap mata wang ini. Mata wang dinar dan dirham ini digunakan untuk urusan jual beli, mas kahwin, pembayaran zakat dan sebagainya (al-Ḥasanī, 1989).

al-Ḥasanī (1989) menjelaskan mata wang dinar dan dirham terus digunakan disebabkan faktor-faktor berikut:

- a. Emas dan perak dianggap sebagai mata wang negara dan digunakan di seluruh semenanjung Arab dan negara-negara berdekatan.
- b. Ciri-ciri yang terdapat pada mata wang emas dan perak menyebabkannya menjadi mata wang yang paling sesuai untuk dijadikan alat pertukaran dan penentu nilai barang.

c. Kemungkinan kesibukan Nabi s.a.w. dalam menyebarkan Islam menyebabkan kurang memberi penekanan kepada mata wang Islam.

Semasa zaman Khulafa Al-Rasyidin r.a. mereka tidak menempa mata wang baru tetapi masih menggunakan dinar Rom dan dirham Parsi sebagaimana zaman Rasulullah s.a.w. Terdapat pendapat yang mengatakan pada zaman pemerintahan 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. dan 'Uthmān bin al-'Affān r.a. bahawa mereka telah menempa duit dirham atau mata wang sendiri. Namun Qadi Abū Ya'lā membantah pendapat ini dengan menerangkan tidak pernah dibentuk mata wang pada zaman pemerintahan Nabi s.a.w., Abū Bakr r.a., 'Umar r.a., 'Uthmān r.a., 'Alī r.a. dan Mu'āwiyah r.a. Penggunaan dinar dan dirham ini diteruskan sehingga zaman Khalifah 'Abd al-Mālik bin Marwān (al-Ḥasanī, 1989).

Sejarah menceritakan 'Abdullāh bin Zubayr menempa mata wang dirham Makkah yang berbentuk bulat. Pada muka sebelah syiling dirham itu ditulis Muḥammad Rasulullah dan pada sebelah lain itu dicatat "Amara Allah bi al-Wafā' wa al-'Adl" (Allah memerintah supaya melaksanakan janji dan berlaku adil). Adik kepada 'Abdullāh bin Zubayr turut menempa mata wang dirham Iraq. Namun kedua mata wang ini tidak tersebar luas di dalam wilayah di bawah pemerintahan Islam ketika itu (al-Ḥasanī, 1989).

Khalifah Mālik bin Marwān pada tahun 694 Hijrah atau tahun 75 Masihi, beliau memerintah supaya ditempa mata wang Islam. Pada tahun 675 Hijrah, beliau mengarahkan supaya mata wang tersebut digunakan di seluruh wilayah di bawah pemerintahan Islam. Kuasa mengeluarkan mata wang juga hanya menjadi milik mutlak kerajaan yang memerintah dan mengarahkan supaya mata wang lain tidak dibenarkan penggunaannya. Ketika itu berakhirlah penggunaan dinar Rom dan dirham Parsi dan diganti dengan penggunaan satu mata wang yang sama untuk seluruh wilayah di bawah pemerintahan Islam (al-Ḥasanī, 1989).

ii. Fulus

Fulus ialah kepingan tembaga yang digunakan sebagai mata wang. Orang ramai menggunakan fulus sebagai medium pertukaran untuk jual beli barangan dan perkhidmatan yang mempunyai nilai yang lebih rendah daripada dirham. Dengan itu mereka menempa fulus yang diperbuat daripada tembaga (copper) dan tembaga kuning (brass) atau seumpamanya. Sebelum wujud fulus, masyarakat semasa zaman pemerintahan Islam menggunakan telur, bijirin gandum, kulit kayu, cengkerang laut dan kepingan tembikar (al-Ḥasanī, 1989).

Kemudian barulah orang ramai menggunakan kepingan tembaga yang tidak ditempa dan diberi nama fulus dalam urusan jual beli. Fulus ini ditempa dalam bentuk tertentu dan bulat. Pada muka depan fulus

dicatat nama sultan yang mengeluarkannya. Manakala pada sebelah belakang fulus dicatat nama negara dan tarikh pengeluaran (al-Ḥasanī, 1989).

WANG KERTAS MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

Ulama berbeza pandangan tentang hukum wang kertas kerana terdapat pelbagai pandangan tentang hakikat wang kertas (al-Manī', 2003). Terdapat lima pandangan ulama tentang hukum wang kertas seperti berikut:

Pertama: Wang Kertas Sebagai Dokumen Hutang

Pandangan pertama ialah wang kertas adalah dokumen hutang. Ulama yang berpegang dengan pandangan ini ialah Sheikh Aḥmad al-Ḥusaynī, Sheikh Muḥammad al-Amīn al-Syanqīṭi, Sheikh Salim 'Abdullāh bin Samīr dan fatwa ulama masyīkhah al-Azhār. (al-Ḥasanī, 1989) Berdasarkan pandangan ini, tidak dibenarkan pertukaran di antara wang kertas walaupun sama jenis kerana ia adalah bay' al-kalī' bi al-kalī' atau bay' al-dayn bi al-dayn (jual hutang dengan hutang).

Wang kertas adalah dokumen hutang yang dikeluarkan oleh pihak tertentu. Hujah mereka ialah penama pada wang kertas berjanji untuk menyerahkan nilai wang yang tertera pada wang kertas itu bagi sesiapa yang menuntutnya. Dokumen hutang itu juga disandarkan kepada emas atau perak yang terdapat dalam simpanan pengeluaran dokumen hutang. Selain itu, nilai wang kertas bukan pada nilai kertas tetapi kepada nilai wang yang diperakui pada wang kertas itu. Pihak kerajaan juga memberi jaminan ke atas wang kertas jika penggunaan wang kertas dihapuskan (al-Ḥasanī, 1989).

Dengan itu, tidak dibenarkan jual beli wang kertas dengan emas dan perak walaupun secara penyerahan semerta kerana syarat dalam al-ṣarf (jual beli emas atau perak) ialah taqābuḍ (penyerahan) kedua item pertukaran semasa majlis akad. Sedangkan wang kertas adalah dokumen hutang yang menegah berlakunya taqābuḍ semasa majlis akad (al-Ḥasanī, 1989).

Analisa Pandangan:

1. Kini wang kertas bukan lagi dokumen hutang sebagaimana zaman dahulu. Nilai wang kertas bergantung kepada pihak bertanggung-jawab yang mengeluarkan wang kertas (al-Manī', 2003). Kini pihak yang bertanggungjawab bagi pengeluaran wang kertas ialah bank negara atau bank pusat di sesebuah negara. Nilai wang kertas dipengaruhi faktor ekonomi, pergerakan pasaran dan sebagainya. Wang kertas diterima pakai sebagai alat pertukaran kerana ia sah diperlakukan oleh pihak berkuasa dan bukan kerana nilainya yang tertera pada wang kertas. Dengan itu hujah mengatakan wang kertas adalah dokumen hutang adalah tidak tepat sama sekali.

2. Sheikh Muḥammad Taqī Uthmānī menjelaskan asal wang kertas adalah dokumen hutang. Namun selepas zaman berlalu, wang kertas tidak menjadi surat hutang kerana wang kertas tidak disandarkan lagi kepada emas atau perak. Wang kertas telah menjadi mata wang dari segi istilah dan perundangan. Fulus ialah mata wang yang diakui undang-undang tetapi terhad penggunaannya. Sedangkan wang kertas adalah mata wang yang diakui undang-undang tetapi tidak terhad penggunaannya. Dengan itu, wang kertas bukan lagi dokumen hutang (Majma' al-Fiqh al-Islāmi, 1988).

3. Dr. Aḥmad Ḥasan (1989) menjelaskan pandangan ulama bahawa wang kertas adalah dokumen hutang dipelopori oleh fuqaha yang membincangkan hukum wang kertas pada tahun 1906-1911. Suasana penerimaan dan penggunaan wang kertas semasa itu amat terhad. Pendapat mereka berdasarkan suasana ketika itu dan wang kertas adalah mata wang sokongan dalam urusan jual beli. Oleh yang demikian, mereka mengeluarkan pandangan wang kertas adalah dokumen hutang berdasarkan situasi pada ketika itu.

Kedua: Wang Kertas Sebagai Komoditi

Pandangan kedua ialah wang kertas adalah komoditi seperti komoditi dagangan (al-Manī', 2003). Wang kertas tidak bersifat mata wang seperti emas dan perak bahkan ia hanya komoditi dagangan sahaja. Ulama yang berpegang dengan pandangan ini seperti Sheikh 'Abd al-Rahmān al-Sa'dī, Sheikh Ḥasan Ayyūb dan Sheikh Khalīl Kaunanj (al-Ḥasanī, 1989).

Sheikh al-Sa'dī (1995) menjelaskan wang kertas bukan emas dan perak kerana ketiadaan 'illah riba emas dan perak iaitu berat timbangan pada wang kertas. Pendapat yang lebih kuat ialah wang kertas seperti komoditi dan fulus. Dengan itu, tiada masalah jika semasa urus niaga dengannya wujud unsur tafāḍul (tambahan atau lebihan), kekurangan nilai atau ketiadaan taqābuḍ semasa majlis akad.

Beliau menjelaskan lagi wang kertas ini apabila tidak sah diperlakukan maka ia tidak memiliki nilai. Dengan itu, wang kertas bukan mata wang bahkan adalah komoditi. Manakala Sheikh Ḥasan Ayyūb menerangkan 'illah riba bagi mazhab Hanafi dan satu riwayat dalam mazhab Ahmad ialah berat timbangan. Sedangkan wang kertas ini tidak boleh ditimbang untuk dikiaskan kepada emas dan perak. Manakala 'illah riba bagi mazhab Maliki dan Syafie ialah mata wang namun 'illah mereka ini terbatas kepada emas dan perak sahaja. Justeru, beliau berpendapat wang kertas tidak tertakluk kepada 'illah riba (al-Ḥasanī, 1989).

Berdasarkan pendapat ini, riba tidak berlaku pada wang kertas kerana ia bukan barangan ribawi maka dibenarkan pertukaran yang melibatkan unsur tafāḍul seperti pertukaran RM100 dengan RM200 atau RM90.

Dibenarkan juga jual beli emas dengan wang kertas secara bertangguh. Zakat juga tidak berlaku pada wang kertas jika tidak diniatkan sebagai perniagaan kerana syarat zakat pada komoditi dagangan ialah perniagaan (al-Ḥasanī, 1989) Walau bagaimanapun Sheikh al-Sa'dī menjelaskan dalam persoalan zakat, wang kertas ini dikiaskan kepada emas dan perak dan perlu dikeluarkan bayaran zakat ke atasnya (al-Ḥasanī, 1989).

Analisa Pandangan:

1. Pada masa kini, wang kertas telah menjadi alat pertukaran dalam pelbagai urusan. Maka pandangan yang menganggap wang kertas sebagai komoditi semata-mata adalah tidak tepat. Wang kertas berbeza dengan komoditi kerana nilai wang kertas tetap kekal sehingga pihak berkuasa membatalkan nilai mata wang. Ia berbeza dengan komoditi yang senantiasanya mempunyai nilai apabila boleh dimanfaatkan. Wang kertas juga hanya alat pertukaran dalam urusan jual beli sedangkan komoditi adalah benda yang dimanfaatkan (al-Ḥasanī, 1989). Ini menunjukkan perbezaan di antara mata wang dengan komoditi.

2. Pandangan ini juga menyebabkan tiada lagi pengeluaran zakat ke atas wang kertas kerana ia dianggap sebagai komoditi sahaja. Pandangan Sheikh al-Sa'dī bahawa wang kertas dikiaskan terhadap emas dan perak dalam pembayaran zakat juga mengelirukan. Beliau berpendapat wang kertas adalah komoditi namun mengaitkan wang kertas dengan emas dan perak. Sekiranya diterima pandangan ini maka ia akan membenarkan amalan riba dilakukan secara meluas tanpa sekatan kerana wang kertas tidak tertakluk kepada riba. Ia juga akan menyekat pertumbuhan sistem kewangan Islam yang semakin berkembang maju terutama perbankan Islam dan permodalan Islam yang selama ini berjuang untuk merealisasikan sistem kewangan tanpa riba.

Ketiga: Wang Kertas Sebagai Fulus

Pandangan ketiga ialah wang kertas adalah sama seperti fulus. Mereka yang berpegang dengan pendapat ini seperti Sheikh Muḥammad 'Ulaysy, Sheikh Aḥmad Riḍā al-Barelwī al-Hindī, Sheikh Sulaymān Khalīl al-As'aradī, Dr. Mahmūd al-Khālīdī, Sheikh 'Abd Allāh al-Ḥarārī al-Ḥabasyī, Sheikh Aḥmad al-Khātib, Sheikh Aḥmad Khātib al-Jāwī dan Syeikh Muḥammad Sulaymān al-Asyqār (al-Būṭī, 1998).

Pandangan ketiga ini mengkiaskan wang kertas dengan fulus kerana wang kertas diterima pakai sebagai alat pertukaran dalam urusan jual beli. Mereka berpendapat wang kertas tidak tertakluk kepada riba sebagaimana fulus tidak tertakluk kepada riba. Namun begitu, mereka berbeza pendapat tentang kewajipan zakat ke atas wang kertas. Sesetengah ulama seperti

Sheikh Aḥmad Riḍā al-Barelwī al-Hindī berpendapat wang kertas tidak tertakluk kepada zakat kerana ia bukan barangan yang wajib dikenakan zakat. Manakala sesetengah ulama lain seperti Sheikh Aḥmad al-Khātib, Sheikh Muḥammad ‘Ulaysh, Syeikh Muḥammad Sulaymān al-Asyqār dan lain-lainnya berpendapat wang kertas mengambil hukum fulus namun tetap dikenakan zakat ke atasnya berdasarkan hukum emas dan perak (al-Ḥasanī, 1989).

Pandangan ketiga ini mengkiaskan wang kertas dengan fulus. Juhur fuqaha berpendapat tidak diwajibkan zakat ke atas fulus selagi mana ia dianggap sebagai barangan dagangan. Imam al-Nawāwī (t.t.) menyebut ‘illah riba emas dan perak bagi mazhab Syafie ialah jins al-athmān ghālīban (jenis mata wang yang dominan). Fulus tidak memiliki ‘illah itu walaupun ia menjadi mata wang di sesetengah negara namun ia tetap bukan jins al-athmān ghālīban. Imam Mālik (1994) ditanya tentang hukum pertukaran fulus dengan duit dinar secara bertangguh atau pertukaran sekeping fulus dengan dua keping fulus. Imam Malik menjawab bahawa beliau tidak gemar transaksi itu dilakukan secara bertangguh namun beliau tidak menganggap fulus itu seperti emas dan perak pada sudut karāhiyyah. Ini menunjukkan pertukaran sekeping fulus dengan dua keping fulus adalah dibenarkan.

Abū Ḥanīfah dan Abū Yūsuf berpendapat dibenarkan pertukaran dua keping fulus dengan sekeping fulus kerana asal fulus bukan sebagai mata wang bahkan ia hanya menjadi mata wang kerana penerimaan orang ramai. Dengan itu, fulus adalah komoditi dan perlu ta’yīn (dinyatakan dengan spesifik) dalam jual beli sebagaimana komoditi lain (Ibn ‘Ābidīn, 1992). Manakala mazhab Hanbali menjelaskan fulus tidak tertakluk kepada ‘illah riba iaitu timbangan dan sukatan maka fulus tidak tertakluk kepada hukum emas dan perak (al-Buhūtī, t.t.).

Analisa Pandangan:

1. Wang kertas dan fulus mempunyai perbezaan yang amat ketara. Pada zaman dahulu, hanya digunakan untuk membeli barang dagangan yang berharga amat rendah kerana nilai fulus hanya 1/38 daripada dirham. Fulus tidak digunakan dengan meluas untuk menggantikan emas dan perak. Berbeza dengan wang kertas pada masa kini yang menjadi mata wang utama dan digunakan secara meluas dalam semua urusan urus niaga tanpa mengira nilai barangan. Fulus hanya menjadi mata wang sokongan di samping emas dan perak. Sedangkan wang kertas adalah wang utama sebagaimana emas dan perak (al-Būṭī, 1998). Dengan itu, tidak tepat mengaitkan fulus dengan wang kertas apabila kedua-duanya mempunyai perbezaan yang amat ketara.

Walaupun juhur fuqaha berpendapat fulus tidak tertakluk kepada riba namun setiap mazhab fiqh mempunyai pandangan yang mengatakan jika fulus memiliki sifat rā’ijah (diperakui dengan meluas sebagai mata wang)

maka ia dianggap sebagai mata wang sebagaimana emas dan perak dan tertakluk kepada riba (al-Ḥasanī, 1989).

Muḥammad al-Syaybānī berbeza pandangan dengan Imam Abū Ḥanīfah dan Abū Yūsuf tentang hukum fulus. Beliau berpendapat tidak dibenarkan jual beli sekeping fulus dengan dua keping fulus kerana ia adalah mata wang yang bersifat *rā'ijah* dan diterima dengan meluas sebagai mata wang. Dengan itu, mata wang tidak tertakluk kepada *ta'yīn* maka hukumnya seperti emas dan perak (Ibn 'Ābidīn, 1992).

2. Ibn Qudāmah (1968) menjelaskan tidak dibenarkan menjual sekeping fulus dengan dua keping fulus kerana fulus berasal daripada logam yang mempunyai 'illah berat timbangan. Larangan Ibn Qudamah ini tidak merujuk 'illah (sebab hukum) fulus kepada *thamāniyyah* (nilai) tetapi 'illah riba untuk emas dan perak bagi mazhab Hanbali iaitu berat timbangan. Ibn Ḥajar al-Haytamī (t.t.) menerangkan sekiranya fulus diterima dengan meluas sebagai mata wang maka ia menerima hukum mata wang iaitu emas dan perak.

3. Pandangan ketiga ini juga mengatakan wang kertas tidak tertakluk kepada 'illah riba iaitu timbangan dan sukatan sebagaimana pandangan mazhab Hanafi. Namun definisi al-*ṣarf* dalam kitab-kitab fiqh mazhab Hanafi menyebut sifat mata wang sebagai faktor utama. Kitab Syarḥ Ibn 'Ābidīn menerangkan "al-*ṣarf* ialah pertukaran mata wang dengan mata wang iaitu perkara yang dijadikan sebagai mata wang."

Kitab al-Hidāyah juga menjelaskan "al-*ṣarf* ialah jual beli setiap satu barang pertukaran daripada jenis mata wang." Ini menunjukkan ulama mazhab Hanafi menyebut secara khusus al-*ṣarf* ialah pertukaran mata wang dengan mata wang tanpa mengetengahkan timbangan dan sukatan sebagai elemen utama dalam definisi al-*ṣarf* (al-Būṭī, 1998). Dengan itu, hujah mengaitkan wang kertas sebagai fulus adalah amat lemah.

4. Hujah golongan ini dengan mengkiaskan wang kertas dengan fulus iaitu mengkiaskan perkara asal (*aṣl*) iaitu fulus dan perkara cabang (*far'*) iaitu wang kertas. Sedangkan perkara asal ialah emas dan perak dan perkara cabang ialah fulus. Hal ini tidak tepat menurut ilmu usul fiqh kerana tidak dibenarkan kias perkara cabang (wang kertas) dengan perkara cabang (fulus). Sebenarnya perkara yang baharu perlu dikiaskan dengan perkara asal dan bukan dengan perkara cabang. Dengan itu, tidak tepat mengkiaskan wang kertas dengan fulus bahkan sepatutnya dikiaskan wang kertas dengan emas dan perak (al-Ḥasanī, 1989). Ini menunjukkan tidak tepat mengkiaskan wang kertas dengan fulus berdasarkan perspektif ilmu usul fiqh.

Keempat: Wang Kertas Sebagai Thaman Iṣtilāhī (Mata Wang Yang Diperakui)

Pandangan keempat ialah wang kertas thaman iṣtilāhī iaitu mata wang yang diperakui dan digunakan dalam segala urusan. Pandangan ini diutarakan oleh Sheikh Muḥammad Taqī al-'Uthmānī (1986). Thaman iṣtilāhī ini menerima hukum seperti fulus rā'ijah yang diterima pakai dengan meluas sebagai mata wang dalam pelbagai urusan. Thaman iṣtilāhī tidak menerima hukum emas dan perak kerana ia tidak mempunyai nilai intrinsik dan tidak dicipta sebagai nilai semula jadi seperti emas dan perak.

Beliau berpendapat diwajibkan zakat ke atas wang kertas secara ijmak kerana zakat wajib dikenakan ke atas fulus rā'ijah apabila sampai had nisab zakat perak. Dibenarkan pertukaran wang kertas dengan wang kertas yang sama jenis tetapi perlu taqābuḍ kedua-duanya dalam majlis akad. Ini berdasarkan fatwa mazhab Maliki dan Hanbali yang tidak membenarkan pertukaran sekeping fulus dengan dua keping fulus kerana mengandungi unsur riba yang diharamkan. Mata wang dari negara berbeza dianggap sebagai berlainan jenis maka dibenarkan tafāḍul dalam pertukaran ini secara ijmak (al-'Uthmānī, 1986).

Menurut beliau mata wang diperbuat daripada emas dan perak hampir tidak digunakan lagi di seluruh dunia. Mata wang fiat mengambil alih peranan emas dan perak dalam semua urusan niaga. Justeru, pendapat Imam Mālik dalam pertukaran mata wang adalah yang terbaik. Jika diambil pendapat Imam Syafie dan Imam Abū Ḥanīfah yang membenarkan pertukaran sekeping fulus dengan dua keping fulus maka akan terbuka pintu riba dengan luas dan segala urusan niaga riba akan menjadi halal. Sekiranya ulama fiqh pada zaman silam hidup pada zaman sekarang dan menyaksikan perubahan keadaan mata wang pada masa kini, nescaya mereka akan mengeluarkan fatwa yang sama melarang pertukaran sekeping fulus dengan dua keping fulus (al-'Uthmānī, 1986).

Walaupun Sheikh Muḥammad Taqī (1986) berpandangan wang kertas tertakluk kepada riba namun wang kertas yang berbeza jenis tidak tertakluk kepada al-ṣarf kerana wang kertas bukan mata wang semula jadi seperti emas dan perak. Wang kertas hanya dianggap sebagai mata wang menurut perspektif uruf dan istilah sahaja. Maka tidak disyaratkan taqābuḍ di dalam majlis akad. Ini kerana Abu Hanifah dan ulama mazhab Hanafi tidak mensyaratkan taqābuḍ ke atas fulus kerana fulus tertakluk kepada ta'yīn sebagaimana barangan. Namun jumah fuqaha lain berpandangan fulus tidak tertakluk kepada ta'yīn maka perlu taqābuḍ dalam urusan jual beli mata wang. Dengan itu, dibenarkan pertukaran secara bertanggung bagi mata wang berbeza jenis seperti Dinar Jordan dengan Rupee Pakistan.

Analisa Pandangan:

1. Pandangan keempat ini menganggap wang kertas adalah fulus *rā'ijah* dan tertakluk kepada *riba*. Namun dibenarkan serahan bertanggung dalam jual beli mata wang kerana *al-ṣarf* hanya berkait dengan emas dan perak. Pandangan ini bertentangan di antara satu sama lain. Wang kertas telah menjadi mata wang maka sudah pasti ia tertakluk kepada semua syarat yang ditetapkan di dalam *al-ṣarf*. Pertukaran mata wang berlainan jenis dibenarkan secara *tafāḍul* tetapi perlu *taqābud* di dalam majlis akad untuk mengelak daripada *riba*.

2. Sheikh Muḥammad Taqī tidak bersetuju dengan pandangan yang membenarkan pertukaran sekeping fulus dengan dua keping fulus kerana ia akan menyebabkan berleluasa urusan niaga berasaskan *riba*. Tetapi pada masa yang sama beliau membenarkan pula serahan bertanggung dalam pertukaran wang kertas. Hal ini menyebabkan wujud unsur *riba nasī'ah* yang diharamkan syarak dalam pertukaran berkenaan. Sedangkan di antara syarat *al-ṣarf* bagi pertukaran sama jenis ialah dilarang *tafāḍul* dan serahan bertanggung. Dengan itu, pandangan keempat ini perlu diperhalusi lagi agar menepati syarat-syarat dalam *al-ṣarf*.

Kelima: Wang Kertas Sebagai Mata Wang Tersendiri

Pandangan kelima ialah wang kertas adalah mata wang tersendiri yang menerima hukum sebagaimana emas dan perak dan tertakluk kepada hukum *al-ṣarf* dalam pertukaran wang. Ini adalah pandangan kebanyakan ulama masa kini seperti Sheikh 'Abdul Wahhāb Khallāf, Sheikh Muḥammad Abū Zuhrah, Sheikh Muḥammad 'Abdul Laṭīf al-Farfur, Sheikh Muhammad Hasanayn Makhluf, Sheikh Rāsyid Ridā, Sheikh Yūsuf al-Qaraḍāwī, Sheikh 'Abdullāh Manī', Sheikh Alī al-Salūs, Sheikh Muṣṭafā al-Zarqā' dan lain-lain (al-Manī', 2003).

Kini wang kertas adalah mata wang yang luas penggunaannya dalam pelbagai urusan dan diterima pakai oleh orang ramai. Nilai wang kertas tidak disandarkan kepada emas atau perak tetapi dipengaruhi oleh ekonomi negara dan pergerakan pasaran. Berdasarkan peredaran dan perkembangan zaman, wang kertas menjadi mata wang utama dalam semua urusan.

Imam Mālik (1994) dan Ibn Taymiyyah (1997) berpendapat emas dan perak menjadi alat pertukaran disebabkan pandangan 'urf tentang kesesuaian kedua-dua logam ini sebagai alat pertukaran dalam urusan jual beli. Emas dan perak menjadi alat pertukaran bukan kerana sifat semulajadi yang ada pada kedua logam ini.

Ibn Taymiyyah (1997) memberitahu pandangan yang paling kuat tentang 'illah *riba* pada emas dan perak ialah *thamāniyyah* (nilai) dan bukan timbangan sebagaimana pendapat jumur ulama. Oleh sebab itu, dibenarkan jual beli secara *tafāḍul* bagi semua benda yang boleh ditimbang seperti

belerang, besi, kain sutera, kain kapas dan biji flax. Ulama juga bersepakat membenarkan jual beli barang yang ditimbang dengan wang secara bertanggung. Sekiranya 'illah riba ialah timbangan maka sudah pasti perkara ini tidak dibenarkan.

Ibnu Qayyim (1991) menyebut 'illah riba pada emas dan perak menurut pandangan mazhab Hanafi dan satu riwayat dalam mazhab Hanbali ialah timbangan. Manakala 'illah emas dan perak menurut pandangan mazhab Syafie, Malik dan satu riwayat Ahmad ialah *thamāniyyah*. Pandangan Ibn Qayyim menjelaskan pandangan yang terakhir ini adalah yang sah dan tepat.

Imam Mālik bin Anas (1994) juga menyebut di dalam kitab *al-Mudawwanah*, sekiranya orang ramai mengambil kulit-kulit binatang untuk dijadikan *sakkah* (kepingan wang) dan *'ayn* (bentuk wang) maka beliau mengatakan ia adalah makruh untuk melihat ia dijual beli dengan emas dan perak secara bertanggung. Makruh di sisi Imam Malik membawa maksud haram menurut mazhab Imam Malik (Ibn Qayyim, 1991). Pandangan Imam Malik ini menunjukkan kulit-kulit binatang apabila berfungsi sebagai mata wang maka ia tidak dibenarkan jual beli secara bertanggung.

al-Nawāwī (t.t.) menyebut 'illah riba pada emas dan perak menurut mazhab Syafie ialah *jins al-athmān ghālīban* (jenis mata wang yang diterima pakai dengan meluas). Namun 'illah ini terbatas kepada emas dan perak sahaja. Oleh sebab itu, walaupun fulus diterima menjadi mata wang namun ia tidak tertakluk kepada riba. Namun begitu, ulama mazhab Syafie di Khurasan berpandangan fulus tertakluk kepada riba. Kemungkinan fulus menjadi mata wang yang tersebar luas di Khurasan sehinggakan ulama di situ mengeluarkan fatwa yang berbeza berbanding pandangan dalam mazhab Shafie.

Imam *al-Nawāwī* (t.t.) juga menjelaskan walaupun fulus menjadi mata wang di sesetengah negara namun ia masih bukan *jins al-athmān ghālīban*. Kemungkinan Imam Nawawi berkata demikian kerana fulus masih tidak diterima pakai sebagai mata wang utama semasa zaman beliau bahkan penggunaan fulus adalah terhad. Beliau juga menjelaskan status sebagai mata wang yang diterima pakai adalah sifat emas dan perak pada zaman itu.

Sekarang wang kertas diterima pakai secara menyeluruh sebagai mata wang utama dalam pelbagai urusan. Wang kertas juga mempunyai nilai tersendiri. Dengan ini, wang kertas tertakluk kepada hukum mata wang sebagaimana hukum emas dan perak. Apabila sesuatu benda diterima menjadi mata wang yang digunakan dengan meluas maka ia menerima hukum emas dan perak. Perkara ini dinyatakan oleh Ibn Hajar *al-Haytamī* (t.t) bahawa sekiranya fulus diterima dengan meluas sebagai mata wang maka ia menerima hukum mata wang (emas dan perak).

Sheikh Muṣṭafā al-Zarqā' menjelaskan setiap pemikiran yang mengatakan wang kertas tidak tertakluk dengan hukum emas dan perak adalah pemikiran cetek dan menyebabkan riba menjadi halal dalam segala urusan. Pemikiran tepat ialah menganggap wang kertas adalah mata wang dan mempunyai sifat thaman serta berkait hukum dengan emas dan perak. Setiap pertukaran mata wang yang jenis seperti Dinar Jordan, Dolar Amerika, Riyal Saudi dan sebagainya dianggap sama seperti pertukaran emas dengan perak. Dibenarkan tafāḍul sebagai pertukaran emas dan perak tetapi dilarang serahan secara bertangguh. (Majma' al-Fiqh al-Islāmi, 1988)

Analisa Pandangan:

1. 'Illah riba emas dan perak iaitu sifat mata wang illah qāsirah (terhad) kepada emas dan perak sahaja. Dengan itu, tidak tepat mengkiaskan wang kertas dengan emas dan perak. Dr. Samī Ḥamūd (1991) menyebut jika 'illah riba ini hanya 'illah qāsirah maka kias tidak dapat dilakukan. Pendirian begini hampir sama dengan pandangan mazhab Zāhiri.

Majoriti ulama berpegang kepada 'illah qāsirah kerana pada zaman itu tiada perkara far' (cabang) yang boleh dikias kepada emas dan perak. Mereka tidak mengkiaskan fulus dengan emas dan perak kerana ketiadaan sifat mata wang sepenuhnya pada fulus. Bahkan fulus hanya mata wang dalam jual beli barangan bernilai rendah sahaja.

2. Namun begitu, status 'illah qāsirah tidak bermakna tidak dibenarkan kias kepada perkara lain kerana Imam al-Nawāwī menerangkan di antara faedah 'illah qāsirah ialah kemungkinan berlaku sesuatu yang berkongsi 'illah pada perkara asal maka dikiaskan perkara cabang (far') dengan perkara asal. Ulama meletakkan 'illah qāsirah kerana memahami dengan jelas fungsi emas dan perak sebagai mata wang sebagaimana yang disebut oleh ahli ekonomi. Sekiranya ulama terdahulu tidak membenarkan kias ke atas emas dan perak maka sudah pasti mereka akan menyebut 'illah riba ialah emas dan perak. Tetapi mereka menjelaskan 'illah riba ialah jenis mata wang atau sifat mata wang. 'Illah menjadikan suatu sifat yang sesuai untuk dikiaskan pada perkara cabang yang menyerupai 'illah tersebut. (al-Ḥasanī, 1989)

RESOLUSI MAJLIS FATWA ANTARABANGSA

Semua majlis fatwa antarabangsa menganggap wang kertas ialah alat pertukaran dan tertakluk kepada hukum riba sebagaimana pada emas dan perak. Jual beli wang kertas perlu mematuhi al-ṣarf supaya tidak mengandungi elemen riba yang diharamkan. Penjelasan lanjut seperti berikut:

Lembaga Ulama Besar Arab Saudi

Kajian mendapati Lembaga Ulama Besar Arab Saudi adalah majlis fatwa yang terawal mengeluarkan resolusi tentang hukum wang kertas. Ini berdasarkan fatwa no. 10 tentang al-Waraq al-Naqdiy (Wang Kertas) yang dikeluarkan pada tahun 1973. Resolusi ini memutuskan secara majoriti wang ialah alat pertukaran dari segi adat dan istilah sebagaimana dijelaskan oleh Syeikh Ibn Taymiyyah dan Imam Mālik. Pandangan mengatakan 'illah riba pada emas dan perak ialah mutlaq thamaniyyah adalah pandangan yang paling kuat dari segi dalil dan lebih dekat dengan maqasid syariah (Hay'ah Kibār al-'Ulamā', 2013).

Pihak lembaga juga secara majoriti memutuskan wang kertas Saudi adalah satu jenis mata wang, manakala wang kertas Dolar Amerika adalah jenis mata wang lain yang berbeza. Dengan itu, setiap wang kertas adalah jenis tersendiri dan tertakluk kepada hukum syariah seperti berikut:

a) Riba berlaku ke atas wang kertas sebagaimana berlaku riba ke atas emas, perak dan fulus. Mata wang ini tertakluk kepada hukum berikut:

- Tidak dibenarkan jual beli mata wang berlainan jenis secara bertangguh sama sekali. Maka tidak dibenarkan jual beli mata wang Dolar Amerika dengan lima Riyal Saudi sama ada kurang atau lebih secara bertangguh.
- Tidak dibenarkan jual beli mata wang sesama jenis dengan tafāḍul, sama ada ia secara bertangguh atau tunai. Maka tidak dibenarkan jual beli 10 Riyal Saudi dengan 11 Riyal Saudi.
- Dibenarkan jual beli mata wang berlainan jenis tanpa sebarang syarat, selagi ia secara tunai. Maka dibenarkan jual beli Pound Syria atau Pound Lubnan dengan Riyal Saudi sama ada kurang daripada nilai atau lebih.

b) Diwajibkan zakat ke atas wang kertas apabila mencukupi nisab emas, perak atau komoditi barangan.

Akademi Fiqh Islam Liga Dunia Islam

Akademi Fiqh Islam di bawah naungan Liga Dunia Islam (Rābiṭah al-'Alām al-Islāmī) dalam persidangannya kali ke-5 pada tahun 1982 telah mengeluarkan resolusi no. 6/1 tentang al-'Umlah al-Waraqiyyah (Wang Kertas). Resolusi ini mengambil ketetapan yang sama dari segi teks resolusi seperti fatwa no. 10 yang dikeluarkan oleh Lembaga Ulama Kanan Arab Saudi. Namun terdapat perbezaan iaitu resolusi Akademi Fiqh Islam ini dikeluarkan secara kolektif berbanding fatwa no. 10 dikeluarkan berdasarkan pandangan majoriti. Dengan itu, Akademi Fiqh Islam ini berpandangan 'illah riba pada emas dan perak ialah mutlaq thamaniyyah. Wang kertas dianggap

sebagai alat pertukaran dan tertakluk kepada hukum riba sebagaimana emas dan perak. (Rābiṭah al-'Alām al-Islāmī, 2015)

Akademi Fiqh Islam Antarabangsa OIC

Akademi Fiqh Islam Antarabangsa di bawah naungan Pertubuhan Persidangan Islam Sedunia (OIC) pada tahun 1986 dalam persidangannya ke-3 telah mengeluarkan resolusi 21 (3/9) tentang *Aḥkām al-Nuqūd al-Waraqīyyah wa Taghayyur Qīmah al-'Umlah* (Hukum Wang Kertas dan Perubahan Nilai Mata wang) bahawa mata wang kertas ialah mata wang dengan mengambil kira *thamāniyyah* yang sempurna. Mata wang kertas tertakluk kepada hukum hakam syarak yang sama dengan dengan emas dan perak dari segi hukum riba, zakat, al-salam dan kesemua hukum-hukum yang lain bagi emas dan perak. (Majma' al-Fiqh al-Islāmī, 2015)

Akademi Fiqh Islam India

Akademi Fiqh Islam India di dalam persidangannya kali ke-2 pada tahun 1989 telah mengeluarkan resolusi nombor 4 (2/3) bahawa wang kertas bukan dokumen hutang tetapi adalah mata wang tersendiri dan mengganti peranan emas dan perak. Dengan itu, wang kertas tertakluk kepada hukum riba sebagaimana pada emas dan perak. Zakat juga wajib dikenakan ke atas wang kertas. (Majma' al-Fiqh al-Islāmī bi al-Hind, 2015)

KESIMPULAN

Pandangan terpilih dalam isu ini ialah pandangan kelima bahawa wang kertas adalah mata wang tersendiri seperti emas dan perak dan tertakluk kepada hukum emas dan perak. 'illah mutlaq *thamāniyyah* adalah 'illah riba pada emas dan perak yang paling kuat dari segi dalil dan lebih dekat dengan maqasid syariah. Pemilihan pandangan ini berdasarkan perkara berikut:

- a. 'Illah riba pada emas dan perak ialah *thamāniyyah* atau wang yang digunakan sebagai alat pertukaran dalam jual beli. Kini wang kertas telah diterima pakai sebagai alat pertukaran dalam semua urusan. Dengan itu, 'illah *thamāniyyah* terpakai ke atas wang kertas.
- b. Pandangan Imam Malik bahawa jikalau orang ramai mengambil kulit-kulit kambing dan dijadikan kepingan wang maka beliau menyatakan makruh ia digunakan dalam urusan niaga dengan emas atau perak secara bertanggung. Ini menggambarkan kulit kambing apabila menjadi wang maka hukum riba terpakai ke atasnya. Makruh di sini bermaksud haram dalam mazhab Maliki.

c. Wang kertas diterima dengan meluas sebagai mata wang dan tertakluk juga kepada jins al-athmān ghālīban. Ibn Hajar al-Haytamī menegaskan sekiranya fulus diterima dengan meluas sebagai mata wang maka ia menerima hukum emas dan perak.

d. Sekiranya wang kertas tidak menerima hukum riba sebagaimana terhadap emas dan perak maka ia akan mengubah landskap dunia muamalat. Tidak perlu lagi kewujudan institusi perbankan Islam kerana wang kertas tidak tertakluk kepada riba. Zakat juga tidak perlu lagi dikutip kerana wang kertas tidak tertakluk kepada zakat.

e. Wang kertas diterima sebagai wang dalam urusan jual beli dan menerima hukum emas dan perak. Pandangan ini lebih kuat dari segi hujah dan lebih mencapai maqasid syariah.

RUJUKAN

Aḥmad Ḥasan, al-Awrāq al-Naqdiyyah fī al-Iqtisād al-Islāmī: Qīmatuhā wa Ahkāmuhā, Damsyik: Dār al-Fikr, 2002.

Amānah al-'Ammah Li Hay'ah Kibār al-'Ulamā'. 2013. Abḥāth Hay'ah Kibār a-'Ulamā' bi al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'ūdiyyah. Riyadh: al-Ri'āsah al-'Ammah li al-Buhūth al'Ilmiyyah wa al-Iftā', 2013.

“An al-Majma' al-Fiqh al-Islāmī.” Laman sesawang Rābiṭah al-'Ālam al-Islāmī - al-Majma' al-Fiqh al-Islāmī. Dicapai 30 Disember 2015. <http://ar.themwl.org/node/11>.

al-Asyqār, Muḥammad Sulaymān, “al-Nuqūd wa Taqallub Qīmah al-'Umlah,” Majallah Majma' al-Fiqh al-Islāmī, bil. 5, jilid ke-3, 1988.

al-Buhūtī, Maṣṣūr bin Yūnus, Kaysf al-Qinā' 'an Matn al-Iqnā'. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.

al-Būtī, Muḥammad Tawfiq Ramaḍān, al-Buyū' al-Syā'i'ah wa Āthar Dawābiḍ al-Mabī' 'Alā Syar'iyatihā. Damsyik: Dar al-Fikr, 1998.

Dwivedi, D.N., Macroeconomics: Theory and Policy, ed. ke-2. New Delhi: Tata McGraw-Hill Publishing Company Limited, 2007.

al-Farfūr, Muḥammad 'Abd al- Laṭīf, “Aḥkām al-Nuqūd al-Waraqīyyah,” Majallah Majma' al-Fiqh al-Islāmī, bil. 3, jilid ke-3, 1986.

- al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn, Jilid kedua. Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t.
- al-Ḥarirī, Muḥammad bin 'Alī bin Husayn, "Awrāq al-Nuqūd wa Niṣāb al-Waraq al-Naqdī," Majallah al-Buhūth al-Islamiyyah, bil. 39, Rabī'ul al-Awwal - Jumādil al-Awwal, 2002.
- al-Ḥasanī, Aḥmad Ḥasan Aḥmad, Taṭawwur Nuqūd fī Dū'i al-Islamīyah ma'a al-'Ināyah bi al-Nuqūd al-Kitābiyyah, Jedah: Dār al-Madanī, 1989.
- "Ḥawl al-'Umlah al-Waraqīyyah." Laman sesawang Rābiṭah al-'Ālām al-Islāmī. Dicapai 11 Disember 2015. <http://www.themwl.org/Fatwa/default.aspx?d=1&ctid=89&l=AR&cid=10>.
- al-Ḥaytamī, Aḥmad bin Muḥammad bin 'Alī bin Ḥajar, al-Fatāwā al-Fiqhiyyah al-Kubrā, t.tp: al-Maktabah al-Islamiyyah, t.t..
- Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Amīn, Radd al-Muhtār 'alā al-Durr al-Mukhtār, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1992.
- al-'Arabī, Muḥammad bin 'Abd Allāh bin, Ahkām al-Qur'ān, jilid ke-3, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003.
- Ibn Khaldūn, 'Abd Rahman bin Muhammad, Muqaddimah Ibn Khaldūn, Damsyik: Dār Ya'rab, 2004.
- Ibn Qayyīm, Muḥammad bin Abī Bakr al-Jawziyyah, I'lām al-Muwaqqi'in, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991.
- Ibn Qudāmah, 'Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad, al-Mughnī li Ibn al-Qudāmah, Kaherah: Maktabah al-Qāhirah, 1968.
- Ibn Rusyd, Muḥammad bin Aḥmad al-Qurtubī, Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid, Kaherah: Dār al-Hadīth, 2004.
- Ibn Taymiyyah, Taqī al-Dīn, Majmū'ah al-Fatāwā, Riyadh: Maktabah al-'Abīkān, 1997.
- al-Jayid, Sitr bin Thawb, "Ahkām al-Awrāq al-Naqdīyyah wa al-Tijārīyyah fī al-Fiqh al-Islāmī", tesis sarjana, Universiti Um al-Qurā, Makkah, 1984.

“Qarār Bi Sya’n Ahkām al-Nuqūd al-Waraqīyyah wa Taghayyur Qīmah al-‘Umlah.” Laman sesawang Majma’ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawli. Dicapai 11 Disember 2015. <http://www.iifa-aifi.org/1679.html>.

“al-Nadwah al-Fiqhīyyah al-Thāniyyah.” Laman sesawang Majma’ al-Fiqh al-Islāmī bi al-Hind. Dicapai 12 Disember 2015, http://ifa-india.org/arabic.php?do=home&pageid=arabic_seminar2

Majma’ al-Fiqh al-Islāmī, “al-Munāqasyah Ahkām al-Nuqūd al-Waraqīyyah wa Taghayyur al-‘Umlah,” Majallah Majma’ al-Fiqh al-Islāmī, bil. 5, jilid ke-3, 1988.

al-Manī’, ‘Abd Allāh bin Sulaymān bin, “al-Waraq al-Naqdī Ḥaqīqah wa Hukma,” Majallah al-Majma’ al-Fiqhī al-Islāmī - Rābiṭah al-‘Ālamī al-Islāmī, tahun pertama, 2003.

Mālik bin Anas bin Mālik, al-Mudawwanah, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994.

Mohidin Yahya, Tukaran Asing dan Pasaran Wang, Teori dan Amalan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

“Nabzah ‘An al-Majma’.” Laman sesawang al-Majma’ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawli, Dicapai 30 Disember 2016. <http://www.fiqhacademy.org.sa>.

“al-Nadwah al-Fiqhīyyah al-Thāniyyah.” Laman sesawang Majma’ al-Fiqh al-Islāmī bi al-Hind. Dicapai 12 Disember 2015, http://ifa-india.org/arabic.php?do=home&pageid=arabic_seminar2.

al-Nawāwī, Yahyā bin Syaraf, al-Majmū’ Syarḥ al-Muhadhdhab ma’a Takmilah al-Subkī wal al-Muṭī’i, Damsyik: Dār al-Fikr, t.t.

“al-Ta’rīf bi Majma’ al-Fiqh (al-Hind).” Laman sesawang Majma’ al-Fiqh al-Islāmī bi al-Hind. Dicapai 12 Disember 2015. http://www.ifa-india.org/arabic.php?do=home&pageid=arabic_introduction.

al-‘Uthmānī, Muḥammad Taqī “Ahkām al-Awrāq al-Naqdiyyah wa Taghayyur Qīmah al-‘Umlah wa Rābiṭuhā bi-Qā’imah al-As’ār” dalam Buhūth fī Qaḍāyā Fiqhiyyah Mu’āshirah, Damsyik: Dār al-Qalam, 2013.

_____, “Ahkām Awraq al-Nuqūd wa al-‘Umulāt,” Majallah Majma’ al-Fiqh al-Islāmī, bil. 3, jilid ke-3, 1986.

al-Sa'dī, 'Abd al-Rahmān, al-Fatāwa al-Sa'diyyah, Beirut: 'Ālam al-Kutub, 1995.

al-Salūs, 'Alī Aḥmad, "Istibdāl al-Nuqūd wa al-'Umulāt fī al-Fiqh al-Islāmī," Majallah Majma' al-Fiqh al-Islāmī, bil. 3, jilid ke-3, 1986.

_____. Istibdāl al-Nuqūd wa al-'Umulāt, Dirasāt wa Hiwār, Kuwait: Maktabah al-Falāh, 1985.

Samī Ḥasan Aḥmad Ḥamūd, Taṭwīr al-A'māl al-Maṣrafiyyah bi ma Yattafiq wa al-Syarī'ah al-Islāmiyyah, Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, 1991.

Sampat Mukherjee, Modern Economic Theory, ed. ke-4, New Delhi: New Age International (P) Ltd, 2005.

"Saudi Arabia-The Ulama." Laman sesawang Country Studies. Dicapai 4 Disember 2016. <http://countrystudies.us/saudi-arabia/54.htm>.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.